



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
BAHAGIAN PENGURUSAN HALAL

PEKELILING PENSIJILAN HALAL MALAYSIA BILANGAN 1 TAHUN 2025

**KEPERLUAN PEMANTAUAN KENDIRI BAGI PENGGUNAAN PRODUK
KAPSUL, PRODUK BERASASKAN GELATIN DAN KOLAGEN SERTA
MARSHMALLOW**

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan keperluan pemantauan sendiri bagi penggunaan produk kapsul, produk berasaskan gelatin dan kolagen serta marshmallow.

LATAR BELAKANG

2. Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Badan Pensijilan Halal Luar Negara (FHCB) serta agensi berkaitan telah menjalankan kajian komprehensif terhadap penggunaan produk kapsul, produk berasaskan gelatin dan kolagen serta marshmallow bermula 1 Ogos 2025 hingga 31 Oktober 2025.

3. Berdasarkan kajian tersebut, JAKIM telah mengenal pasti beberapa risiko berlakunya kontaminasi di peringkat pengeluar produk berkenaan di luar negara. Sehubungan itu, JAKIM telah membangunkan **Pelan Tindakan** bagi memastikan penggunaan produk kapsul, produk berasaskan gelatin dan kolagen serta marshmallow dapat ditangani dengan lebih teratur dan memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat.

PELAKSANAAN

4. Syarikat/Pemohon Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) perlu menjalankan pemantauan sendiri bagi produk melibatkan semua varian kapsul serta produk berasaskan gelatin dan kolagen mengikut Jadual yang ditetapkan di **Lampiran I** seperti yang berikut:

Jadual A: Kategori Pemantauan Kendiri

Jadual B: Tanggungjawab Pensampelan Kendiri

Jadual C: Maklumat Keperluan Pensampelan Kendiri

Jadual D: Jadual Pemantauan Kendiri

5. Pensampelan yang dibuat oleh syarikat/pemohon SPHM perlu dihantar ke makmal yang mendapat akreditasi MS ISO/IEC 17025 bagi analisis asid nukleik. Senarai makmal boleh disemak melalui laman sesawang www.jsm.gov.my.

PERMULAAN KUAT KUASA

6. Pekeliling ini mula berkuat kuasa SERTA MERTA dan semua pihak yang terlibat dalam Pensijilan Halal Malaysia perlu mematuhi serta mengambil maklum berkenaan pelaksanaan Pekeliling ini.

7. Pekeliling ini dikuatkuasakan selaras dengan subperenggan 7(2) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 [*P.U. (A) 431/2011*].



(DATO' DR. SIRAJUDDIN BIN SUHAIMEE)

Ketua Pengarah

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

28 November 2025

**JADUAL A:
KATEGORI PEMANTAUAN KENDIRI**

BIL	KATEGORI	PARAMETER	KAEDAH	KEKERAPAN
1.	Pemegang SPHM sedia ada dan produk yang telah dipersijilkan	Baharu dan kali pertama DNA babi (porcine), lembu (bovine), Kerbau (bubalus) Kali kedua dan seterusnya DNA babi (porcine)	RT-PCR (qPCR)	Mengikut Jadual Pemantauan Kendiri Syarikat/Pemohon SPHM yang ditetapkan.
2.	Pemohon baharu	DNA babi, lembu, kerbau	RT-PCR (qPCR)	Sijil analisis dengan minimum tempoh sah laku enam (6) bulan perlu dihantar semasa permohonan baharu dibuat.
3.	Penambahan ramuan baharu atau pertukaran pembekal bagi produk sedia ada	DNA babi, lembu, kerbau	RT-PCR (qPCR)	Permohonan perlu dibuat kepada Seksyen Sijil dan bahan ramuan telah disahkan di dalam sistem MyeHalal.
4.	Penambahan ramuan baharu atau pembekal baharu bagi produk baharu	DNA babi, lembu, kerbau	RT-PCR (qPCR)	Sijil analisis dengan minimum tempoh sah laku enam (6) bulan perlu dihantar semasa permohonan baharu dibuat.

**JADUAL B:
TANGGUNGJAWAB PENSAMPELAN KENDIRI**

BIL	SITUASI	STATUS PENSAMPELAN	TANGGUNGJAWAB
1.	Pengilang/pemohon membuat pembelian bahan mentah daripada pengeluar/ agen/ pengimport dan digunakan untuk penghasilan produk keluaran sendiri dan dihasilkan di kilang sendiri.	Pensampelan sendiri	Pengilang
2.	Pengilang membuat pembelian bahan mentah daripada pengeluar/ agen/ pengimport yang sama untuk kegunaan produk sendiri dan pemilik jenama.	Pensampelan guna sama	Pengilang atau pemilik jenama
3.	Pemilik jenama membuat pembelian bahan mentah dan penghantaran samada secara terus atau melalui pengeluar/ agen/ pengimport kepada pengilang untuk kegunaan produk pemilik jenama.	Pensampelan sendiri	Pemilik Jenama
4.	Pengilang di Malaysia yang memiliki SPHM dan membuat proses pembungkusan semula sahaja.	Pensampelan guna sama	Pengilang
5.	Pengilang di Malaysia tidak memiliki SPHM dan membuat proses pembungkusan semula.	Penggunaan produk ini tidak dibenarkan untuk permohonan pensijilan SPHM	Penggunaan produk ini tidak dibenarkan untuk permohonan pensijilan SPHM
6.	Trading item: a. Pemegang/Pemohon membuat pembelian produk daripada pengilang (pemegang SPHM) di Malaysia yang membuat proses pembungkusan semula.	Pensampelan guna sama	Pengilang
	Trading item: b. Pemegang/Pemohon membuat pembelian produk samada secara terus atau melalui pengeluar/ agen/ pengimport tanpa proses pembungkusan semula.	Pensampelan sendiri	Pemegang

JADUAL C MAKLUMAT KEPERLUAN PENSAMPELAN KENDIRI		
BIL	PERKARA	BUTIRAN
1.	Jenis Sampel	Semua jenis kapsul termasuk kapsul tumbuhan, produk berasaskan kolagen dan gelatin serta marshmallow.
2.	Kategori Sampel	a) Bahan ramuan untuk penghasilan produk akhir. b) Bahan ramuan untuk pembungkusan semula.
3.	Saiz Sampel	250g, 300g (softgel/kapsul berisi).
4.	Kaedah Pemilihan Sampel	Mengikut varian.
5.	Kaedah Pensampelan	Aseptik.
6.	Makmal Analisis	Makmal yang diakreditasi MS ISO/IEC 17025 bagi analisis asid nukleik. Senarai makmal boleh disemak melalui laman sesawang www.jsm.gov.my .
7.	Parameter Analisis	Baharu dan kali pertama: DNA babi (<i>porcine</i>), lembu (<i>bovine</i>), Kerbau (<i>bubalus</i>). Kali kedua dan seterusnya: DNA babi (<i>porcine</i>).
8.	Kaedah Analisis	Real Time PCR (qPCR).
9.	Rujukan	Jadual A: Kategori Pemantauan Kendiri. Jadual B: Tanggungjawab Pensampelan Kendiri. Jadual C: Maklumat Keperluan Pensampelan Kendiri. Jadual D: Jadual Pemantauan Kendiri.

JADUAL D: JADUAL PEMANTAUAN KENDIRI						
NAMA SYARIKAT		XXX				
SKIM		PR/FM				
NO.	SENARAI PRODUK	SAIZ SAMPEL	REKOD ANALISIS TERKINI	PARAMETER		TARIKH PENSAMPELAN
				2025	2026	2026

Nota :

Keputusan analisis pensampelan perlu dihantar ke Bahagian Pengurusan Halal, JAKIM selewat-lewatnya pada 15hb bulan berikutnya selepas tarikh pensampelan ke alamat e-mel skpk@islam.gov.my